

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**MAJLIS PENYEMPURNAAN KURSUS PELUASAN ROAD ACCIDENT
MANAGEMENT SYSTEM (RAMS) DAN PELAPORAN DATA
KEMALANGAN JALAN RAYA MENGIKUT PIAWAIAN PDRM K27
DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN
PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)**

14 OGOS 2026 (JUMAAT) | 10.30 PAGI
HOTEL UCSI, KUCHING, SARAWAK

<<>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

Hadirin yang saya hormati,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk menyempurnakan Kursus Peluasan *Road Accident Management System* (RAMS) dan Pelaporan Data Kemalangan Jalan Raya Mengikut Piawaian PDRM K27.
2. Saya turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran kursus ini, khususnya Kementerian Kerja Raya (KKR), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sarawak dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
3. Kursus tahunan ini amat penting dalam memperkukuh kompetensi pegawai teknikal, menyeragamkan pelaporan data kemalangan serta mempererat kerjasama antara agensi ke arah pengurusan keselamatan jalan raya yang lebih berkesan dan berasaskan data.
4. *Road Accident Management System* atau RAMS merupakan antara sistem di bawah inisiatif MYJalan yang dibangunkan oleh KKR bagi mengurus, menganalisis dan memaparkan data kemalangan jalan raya secara sistematik, termasuk mengenal pasti lokasi yang kerap berlaku kemalangan atau *blackspot*.

5. Melalui integrasi data kemalangan daripada *Integrated Police Reporting System* (i-PRS) di bawah seliaan PDRM, RAMS membolehkan perancangan dan pelaksanaan intervensi keselamatan jalan raya dibuat dengan lebih tepat dan pantas. Integrasinya dengan aplikasi MYJalan turut menyokong pengurusan aset serta pemantauan jalan raya secara lebih bersepadu.

Hadirin sekalian,

6. Data yang tepat dan berkualiti merupakan asas penting dalam merancang infrastruktur jalan raya yang lebih selamat, cekap dan mampan. Melalui RAMS, lokasi *blackspot* dapat dikenal pasti berdasarkan kriteria tiga kemalangan daripada jenis yang sama atau lima kemalangan daripada pelbagai jenis dalam tempoh tiga tahun.
7. Pengenalpastian ini mengambil kira lingkungan radius 50 meter atau sepanjang jajaran jalan 100 meter. Lokasi yang dikenal pasti seterusnya diberikan perhatian melalui pelaksanaan rawatan keselamatan jalan raya di bawah Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya.
8. Bagi tahun 2026, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM80 juta** bagi pelaksanaan rawatan keselamatan jalan raya di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia melibatkan **99 lokasi blackspot**.
9. Peruntukan ini turut melibatkan pemasangan lampu jalan baharu di **334 lokasi** kemalangan atau kawasan berisiko akibat keadaan jalan

yang gelap, pemasangan **14 lampu isyarat** di persimpangan berisiko serta pembinaan **19 Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Berlampu Isyarat (LPKSI)**.

10. Sementara itu, KKR telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM12.53 juta kepada Negeri Sarawak bagi pelaksanaan rawatan keselamatan jalan raya di Jalan Persekutuan bagi tempoh 2021 hingga 2026. Peruntukan tersebut meliputi RM6.275 juta bagi rawatan di lokasi blackspot, RM5.854 juta untuk pemasangan lampu jalan, serta RM400 ribu bagi pelaksanaan Program Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Berlampu Isyarat (LPKSI).
11. Dalam masa yang sama, kerjasama strategik antara KKR dan WHO terus diperkukuh, antaranya melalui penambahbaikan reka bentuk piawai LPKSI dengan penerapan elemen reka bentuk antarabangsa, pemerkasaan pengurusan data kemalangan melalui RAMS serta pelaksanaan kempen kesedaran keselamatan jalan raya.
12. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan untuk memastikan setiap perancangan dan intervensi keselamatan jalan raya dilaksanakan secara berkesan, berasaskan bukti dan memberi manfaat langsung kepada pengguna jalan raya.
13. Saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua agensi dan pihak yang terlibat atas komitmen memastikan data kemalangan dalam RAMS sentiasa tepat dan terkini. Kerjasama erat ini amat penting bagi menyokong perancangan pembangunan

dan penyenggaraan jalan raya yang lebih berkesan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Hadirin sekalian,

14. Akhir kata, saya berharap program seumpama ini akan terus menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya secara menyeluruh. Semoga segala ilmu, pengalaman dan kerjasama yang dibina melalui kursus ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang memberi impak nyata kepada keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

15. Saya dengan ini **menyempurnakan Kursus Peluasan Road Accident Management System (RAMS) dan Pelaporan Data Kemalangan Jalan Raya Mengikut Piawaian PDRM K27 dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi tahun 2026.**

Sekian, terima kasih.